

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	12 /1/2011

Perodua unggul anugerah jenama terbaik


PERUSAHAAN Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) mengungguli anugerah jenama terbaik pada anugerah tahunan The Brand Laureate-SMEs Chapter awards 2010.

Sementara itu, Secret Recipe pula memenangi anugerah jenama paling popular disusuli Munchy's yang meraih anugerah jenama paling disukai, manakala Yomeishu dianugerah sebagai jenama paling kukuh.

Anugerah berkenaan disampaikan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad. Hadir sama isteri Dr Mahathir, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Ketua Eksekutif Brand Laureate, Dr KK Johan.

Anugerah Khas buat kali pertama diperkenalkan iaitu Anugerah Tokoh Usahawan PKS Lelaki - Tun Dr Mahathir Mohamad 2010 menjadi milik Pengerusi Eksekutif Bersama Kumpulan NAZA, Datuk SM Faisal SM Nasimuddin.

Anugerah khas kedua iaitu Tokoh Usahawan Wanita



DR MAHATHIR menyampaikan anugerah kepada SM Faisal (kiri) di ibu negara malam tadi.

PKS - Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali 2010 pula dimenangi, Datuk Siti Nurhaliza Tarudin menerusi jenama produknya SimplySiti.

Bagi kategori khas anugerah utama The Brand Laure-

ate yang dipilih peserta PKS sebagai jenama paling digemari terdiri daripada 11 syarikat.

Syarikat terbabit adalah Maybank bagi kategori perbankan; Public Mutuel bagi

saham amanah); Proton (automotif); Pos Laju (perkhidmatan penghantaran pantas); Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (pemaju hartanah); Touch n Go (penyedia pembayaran elektronik); AAM (bantuan jalan raya); MEPS (pembayaran antara bank); Yellow Pages (direktori media); Maxis (telekomunikasi) dan OSIM (produk kesihatan).

Anugerah The Brand Laureate - PKS, anugerah jenama paling berprestij bagi mengiktiraf kecemerlangan jenama syarikat PKS edisi 2010, diperkenalkan khusus sebagai platform utama untuk meningkatkan lagi jenama syarikat berkenaan di negara ini.